

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepc>



ANALISIS ETIKA RUMAH TANGGA DAN NILAI-NILAI KELUARGA DI THIRUKKURAL: GAYA HIDUP PASANGAN

ANALISIS ETIKA RUMAH TANGGA DAN NILAI-NILAI KELUARGA DI THIRUKKURAL: GAYA HIDUP PASANGAN

Kogiladevi Maniam¹, Karthees Ponniah^{2*}

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

✉ M20231000869@siswa.upsi.edu.my

ORCID <https://orcid.org/0009-0002-9265-6789>

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Perak, Malaysia

✉ karthees@fbk.upsi.edu.my

ORCID <https://orcid.org/0000-0003-2955-0607>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.04.2026

Revised date: 13.05.2026

Accepted date: 31.05.2026

Published date: 15.06.2026

To cite this document:

Maniam, K., & Ponniah, K. (2026). Analisis Etika Rumah Tangga Dan Nilai-Nilai Keluarga Di Thirukkural: Gaya Hidup Pasangan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(63), 501-511.

DOI: 10.35631/IJEPC.1163029

Abstrak:

Kajian ini menganalisis gaya hidup berpasangan dan nilai kekeluargaan dalam karya klasik *Thirukkural* oleh Thiruvalluvar, sebuah teks yang kaya dengan panduan moral sejagat. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan teks, kajian ini memfokuskan kepada peranan pasangan serta nilai utama seperti kesetiaan, kejujuran, dan toleransi dalam membina keluarga harmoni. Hasil kajian menunjukkan bahawa prinsip yang diutarakan dalam *Thirukkural* menekankan keseimbangan peranan suami isteri yang penting untuk kestabilan rumah tangga, baik dalam konteks tradisional mahupun moden. Secara keseluruhannya, karya ini merupakan manual komprehensif bagi pasangan untuk mengamalkan kehidupan berteraskan etika, sekali gus menyumbang kepada keharmonian sosial dan kesejahteraan masyarakat.

Kata Kunci:

Etika, Gaya Hidup Berpasangan, Kualitatif, Nilai Kekeluargaan, Sosial, Thirukkural

Abstract:

This study analyzes the lifestyle of couples and family values in the classical work *Thirukkural* by Thiruvalluvar, a text rich in universal moral guidance. Using a qualitative approach through content analysis of the text, the study focuses on the roles of partners and key values such as loyalty, honesty, and tolerance in building a harmonious family. The findings indicate that the principles presented in the *Thirukkural* emphasize a balanced role between husband and wife, which is essential for household stability in both traditional and modern contexts. Overall, this work serves as a comprehensive manual for couples to practice an ethical way of life, thereby contributing to social harmony and the well-being of society.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Keyword:

Couple's Lifestyle, Family Values, Marital Harmony, Qualitative Analysis, Social, Ethics, Thirukkural

Pengenalan

Thirukkural, hasil karya Thiruvalluvar, merupakan sebuah teks etika universal yang melampaui sempadan agama, budaya, dan zaman. Terdiri daripada 1,330 kuplet (kural) yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Arathupal (Kebajikan), Porulpal (Kekayaan), dan Kamathupal (Cinta), karya ini menyediakan panduan komprehensif tentang kehidupan manusia yang bermoral. Kuplet-kuplet Thirukkural juga dihargai sebagai karya agung Tamil yang terpenting dan tertua (Jan Samuel, 2018). Salah satu aspek yang paling mendalam dalam Thirukkural ialah perbincangan mengenai Illaram atau etika rumah tangga, yang menjadi asas kepada kestabilan sesebuah masyarakat.

Institusi kekeluargaan dalam falsafah Thirukkural dianggap sebagai unit sosial yang paling suci dan penting. Menurut Thiruvalluvar, kehidupan berumah tangga bukan sekadar satu fasa biologi atau sosial, malah merupakan satu bentuk disiplin rohani dan moral yang menuntut tanggungjawab tinggi daripada pasangan suami isteri. Dalam bahagian Arathupal, beliau menekankan bahawa kebajikan yang paling agung bukanlah kehidupan zahid (bertapa), tetapi kehidupan seorang ketua keluarga yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam menguruskan rumah tangganya.

Gaya hidup pasangan dalam Thirukkural dicirikan oleh pembahagian peranan yang harmoni dan saling melengkapi. Isteri digambarkan sebagai pengurus utama rumah tangga yang memelihara maruah keluarga, manakala suami bertindak sebagai pelindung dan pencari nafkah yang beretika. Walau bagaimanapun, dalam arus pemodenan dan globalisasi masa kini, institusi keluarga sering berhadapan dengan pelbagai cabaran etika dan krisis nilai. Perubahan dinamika dalam gaya hidup pasangan moden kadangkala menyebabkan pengabaian terhadap nilai-nilai tradisional yang menjadi tunjang keharmonian domestik. Oleh itu, satu analisis mendalam terhadap etika rumah tangga yang terkandung dalam Thirukkural adalah sangat relevan untuk menilai sejauh mana prinsip-prinsip kuno ini dapat diaplikasikan bagi memperkukuh institusi keluarga kontemporari.

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis nilai-nilai keluarga dan etika rumah tangga yang diketengahkan oleh Thiruvalluvar, dengan fokus khusus kepada gaya hidup pasangan. Melalui kaedah analisis teks, kajian ini akan meneroka bagaimana interaksi antara suami dan isteri mengikut acuan Thirukkural mampu melestarikan kesejahteraan keluarga dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berintegriti dalam masyarakat.

Sorotan Literatur

Kajian “Women from Thiruvalluvar’s Point of View” oleh Navin Ganesan et al. (2023) meneliti peranan dan kedudukan wanita berdasarkan pandangan Thiruvalluvar dalam karya Thirukkural menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa wanita bukan sahaja dihargai dari segi peranan tradisional, malah dilihat sebagai individu yang berani, setara dengan lelaki, dan berhak dalam membuat keputusan. Thiruvalluvar turut menekankan sifat kasih sayang, ketabahan, serta tanggungjawab wanita dalam membentuk keluarga yang harmoni. Selain itu, peranan ibu dianggap sangat penting dalam membentuk sahsiah anak-anak, manakala kecantikan wanita merangkumi aspek dalaman dan luaran. Secara keseluruhannya, kajian ini menonjolkan kepentingan nilai-nilai positif wanita dalam institusi kekeluargaan, walaupun masih terdapat ruang untuk kajian lanjut berkaitan peranan wanita dalam hubungan kekeluargaan secara lebih mendalam.

Kajian oleh Dr. D. Monissha (2023) yang bertajuk “Tracing the Familial Ethics In Thirukkural’s Kamathupal” meneliti dimensi alam percintaan dalam Thirukkural sebagai asas pembentukan etika keluarga. Kajian ini menegaskan bahawa nilai seperti kasih sayang, kepercayaan, komitmen, dan tanggungjawab merupakan elemen penting dalam membina keluarga yang harmoni, khususnya dalam menghadapi cabaran keruntuhan institusi keluarga moden. Melalui analisis kuplet dalam Kamathupal, pengkaji menunjukkan bahawa hubungan suami isteri yang berlandaskan cinta sejati, kesetaraan, dan saling menghargai menjadi teras kepada kebahagiaan rumah tangga.


Selain itu, cinta dilihat sebagai asas kehidupan sosial yang mendorong pembentukan keluarga dan nilai kemanusiaan. Thiruvalluvar turut menekankan kepentingan keseimbangan dalam memberi dan menerima kasih sayang, serta peranan emosi seperti rindu dan perpisahan dalam mengukuhkan hubungan. Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada aspek hubungan pasangan sahaja tanpa mengupas peranan ahli keluarga lain atau menggunakan pendekatan psikologi secara praktikal. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk mengaitkan nilai-nilai dalam Kamathupal dengan aplikasi terapi keluarga, khususnya dalam menangani isu moden seperti konflik rumah tangga dan perceraian.

Kajian oleh Thagaraj L. (2023) bertajuk “Silappathikaram in Thirukural Showing Lifemarks” menekankan bahawa disiplin dan kasih sayang merupakan asas utama dalam membentuk kehidupan dan keluarga yang bahagia menurut pandangan Thiruvalluvar. Kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah keluarga bergantung kepada kerjasama antara suami dan isteri, di mana kedua-duanya memainkan peranan penting dalam memimpin dan mengurus keluarga. Selain itu, komunikasi yang berkesan juga ditekankan sebagai faktor penting dalam mengelakkan konflik seperti pergaduhan dan perceraian, serta membantu menyelesaikan masalah secara harmoni.

Kajian ini turut membandingkan nilai dalam *Thirukkural* dengan watak Kannagi dalam *Silappathikaram*, serta mengaitkan prinsip kepimpinan dalam keluarga dengan kepimpinan politik yang adil dan berintegriti. Di samping itu, hubungan suami isteri turut digambarkan sebagai saling melengkapi, di mana sikap taat, menghormati dan bertanggungjawab menjadi asas keharmonian rumah tangga. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa nilai-nilai moral seperti kebaikan, keadilan dan kasih sayang perlu diamalkan bagi membentuk keluarga dan masyarakat yang harmoni serta positif.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap karya *Thirukkural* terjemahan Singaravelu (2013) sebagai kaedah utama untuk meneliti kandungan kajian secara mendalam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menganalisis teks dengan lebih tepat, khususnya dalam menghubungkan nilai-nilai *Thirukkural* dengan teori terapi struktural keluarga. Pengkaji juga telah merujuk pelbagai sumber teks iaitu buku-buku, risalah-risalah, majalah-majalah ilmiah serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Bahan daripada laman web internet juga diguna sebagai rujukan. Usaha pengkaji ini telah membantu dan mendapat penjelasan dan gambaran menyeluruh tentang objektif serta persoalan yang akan dikaji. Analisis teks merangkumi beberapa peringkat. Rajah di bawah menerangkan proses menganalisis teks untuk memperolehi data.



Rajah 1: Proses Analisis Teks

Analisis teks berfokus secara menyeluruh pada ketiga-tiga proses ini dalam kajian. Secara menulis analisis teks, pengkaji wajar mengambil kira kesesuaian kuplet *Thirukkural* mengikut terapi struktural keluarga untuk memudahkan proses pengumpulan maklumat mengenai tajuk. Melalui kaedah ini juga, pengkaji hendak menghayati karya *Thirukkural*. Kajian ini menjurus kepada kaedah analisis teks. Maka, pengkaji menfokuskan ketiga-tiga objektif dalam proses pengumpulan tersebut. Analisis data adalah satu bentuk kajian kualitatif di mana data-data ditafsirkan oleh pengkaji untuk memberikan suara dan makna di sekitar tajuk yang berkaitan (Bowen, 2009).

Selain itu, kaedah hermeneutik ialah satu cara untuk pengkaji mengumpulkan dan memahami maklumat dengan melihat secara dekat perkataan yang ditulis (Suppiah, 2020). Kaedah hermeneutik turut digunakan untuk memahami makna tersirat dalam teks melalui interpretasi yang mendalam terhadap kuplet-kuplet *Thirukkural*. Kaedah ini membantu pengkaji bukan

sahaja memahami makna literal, tetapi juga mesej tersirat yang berkaitan dengan nilai kekeluargaan. Secara keseluruhannya, gabungan analisis teks dan hermeneutik membolehkan pengkaji menghuraikan dengan lebih jelas hubungan antara *Thirukkural* dan struktur serta dinamika dalam sistem keluarga.

Dapatan Kajian

Keluarga yang bahagia bermula daripada hubungan yang kukuh antara pasangan suami isteri. Hubungan pasangan menekankan kepentingan komunikasi, kerjasama, saling menghormati, dan kasih sayang antara pasangan agar keluarga dapat berfungsi dengan baik. Konsep ini amat selaras dengan ajaran suci dalam *Thirukkural* yang menggambarkan perkahwinan sebagai satu ikatan suci berasaskan tanggungjawab dan kejujuran. *Thirukkural* menegaskan bahawa suami isteri harus hidup dalam kasih sayang, saling menghormati, dan menyokong antara satu sama lain demi kebahagiaan keluarga. Oleh itu, penggabungan nilai-nilai *Thirukkural* dapat melahirkan keluarga yang harmoni, beretika, dan penuh kasih sayang.

Analisis terhadap *Thirukkural* menunjukkan bahawa hubungan pasangan mendapat perhatian paling besar kerana hubungan suami isteri merupakan asas kepada pembentukan keluarga yang harmoni. Dalam *Thirukkural*, 226 kuplet berkaitan secara langsung dengan kehidupan berpasangan, cinta, kesetiaan, keserasian emosi, dan keharmonian rumah tangga. Penekanan ini jelas menggambarkan pandangan *Thiruvalluvar* bahawa keluarga tidak dapat dibentuk dengan kukuh tanpa hubungan pasangan yang stabil. Suami dan isteri digambarkan sebagai dua individu yang saling melengkapi; mereka berkongsi tanggungjawab dalam membina kasih sayang, mengurus ekonomi keluarga, menyelesaikan konflik, serta mengekalkan keseimbangan emosi di rumah. Prinsip ini selari dengan terapi struktural keluarga yang melihat pasangan sebagai subsistem teras yang mempengaruhi pembentukan keluarga secara keseluruhan.

Perkahwinan bukan sekadar penyatuan dua insan, tetapi merupakan satu tanggungjawab besar dalam membina keluarga yang harmoni dan diberkati. Tatacara hidup berumah tangga yang meliputi aspek adab, kejujuran, kesetiaan serta tanggungjawab suami isteri perlu diamalkan secara konsisten. Hal ini selaras dengan ajaran dalam *Thirukkural* oleh *Thiruvalluvar* yang menegaskan bahawa individu yang hidup berlandaskan tatacara yang baik akan dimuliakan seperti golongan yang tinggi darjatnya. Oleh itu, pasangan perlu saling memahami peranan, menjaga kepercayaan, serta mengurus emosi dengan bijaksana demi mengekalkan keharmonian rumah tangga. Dalam *Thirukkural*, *Thiruvalluvar* menasihati:

vaiyaththul vaazhvaangu vaazhpavan vaanuraisyum
theyvaththul vaikkap padum (50)

Maksud: Orang yang hidup di dunia (menurut tatacara hidup berumah tangga) dengan cemerlang, akan disanjung tinggi seperti dewa, yang berabadi di alam langit.

Tata cara hidup berumah tangga adalah panduan menyeluruh untuk membina keluarga yang sejahtera dan diberkati. Ia bukan sekadar aturan sosial, tetapi merupakan cerminan akhlak, tanggungjawab, dan iman suami isteri. Pasangan yang hidup menurut tatacara ini akan membentuk rumah tangga yang stabil, saling menghormati, dan menjadi contoh kepada masyarakat. Justeru, sebagai suami dan isteri, kita harus berusaha memelihara adab, tanggungjawab dan keikhlasan dalam membina keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat.

Selain itu, Dalam perhubungan antara suami dan isteri, cinta menjadi teras utama yang menghidupkan kebahagiaan, persefahaman dan ketenangan dalam rumah tangga. Cinta bukan sekadar ungkapan perasaan semata-mata, malah merangkumi keikhlasan, pengorbanan, tanggungjawab, dan sokongan yang tidak berbelah bahagi antara satu sama lain. Thiruvalluvar dalam karya agungnya, Thirukkural, juga menekankan kepentingan cinta dalam hubungan suami isteri. Beliau menggambarkan cinta bukan hanya sebagai perasaan, tetapi sebagai nilai moral yang mengikat suami dan isteri dalam kehidupan berkeluarga. Kuplet-kuplet tertentu menjelaskan bahawa cinta adalah asas kepada keharmonian dan ketenteraman dalam sesebuah rumah tangga. Tanpa cinta, hubungan menjadi hambar dan rapuh, manakala dengan cinta, segala masalah boleh ditangani dengan penuh hikmah. Thiruvalluvar menegaskan perkara ini dalam Thirukkural ke-1122.

*udampotu uyiridai ennamaR Ranna
madandhaiyodu emmitai natpu (1122)*

Maksud: Pertalian antara aku dengan si-dara ini Adalah seperti pertalian antara badan dengan nyawa.

Hubungan antara suami dan isteri merupakan asas utama dalam pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera. Ikatan ini bukan sahaja berlandaskan cinta, tetapi juga melibatkan tanggungjawab, kepercayaan, serta sokongan emosi dan rohani antara satu sama lain. Ajaran dalam *Thirukkural* oleh Thiruvalluvar, khususnya dalam Kural 1122, menggambarkan hubungan suami isteri seperti “badan dan nyawa”, yang tidak dapat dipisahkan dan saling melengkapi. Hal ini menunjukkan bahawa perhubungan tersebut perlu dibina atas dasar kasih sayang yang mendalam, kesetiaan dan pengorbanan bagi memastikan kebahagiaan rumah tangga.

Selain itu, hubungan yang kukuh memerlukan komunikasi yang baik, sikap bertolak ansur serta kesediaan untuk bersama dalam apa jua keadaan, sama ada senang atau susah. Perumpamaan badan dan nyawa juga menekankan kepentingan kerjasama dan kebergantungan antara pasangan dalam menghadapi cabaran kehidupan. Justeru, apabila suami dan isteri menghayati nilai-nilai ini dengan penuh keikhlasan, mereka bukan sahaja mampu membina keluarga yang bahagia, malah menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang seimbang dan harmoni. Kehidupan berumahtangga yang dipenuhi kasih sayang dan kesusilaan menghasilkan faedah yang besar. Antaranya ialah suasana rumah yang tenang dan aman, anak-anak yang membesar dalam persekitaran yang positif, serta sokongan moral yang berterusan antara pasangan. Pasangan suami isteri yang saling menghormati dan menyayangi akan dapat membuat keputusan bersama dengan lebih rasional dan penuh tanggungjawab, sekaligus mengukuhkan institusi keluarga. Thiruvalluvar menitikberatkan hidup berumahtangga dari aspek suami dan isteri.

*anpum aranum udaiththaayin ilvaazhkkai
panpum payanum adhu (45)*

Maksud: Jika hidup berumahtangga orang mempunyai kesayangan antaranya dengan teman hidupnya, dan perbuatan-perbuatan kesusilaan yang dilakukannya secara harmonis demi kepentingan orang lain, kepunyaan itu adalah merupakan sifat dan faedah hidup berumahtangga itu.

Hidup berumah tangga merupakan satu ikatan suci yang menuntut kasih sayang dan kesusilaan antara suami dan isteri sebagai asas utama dalam membina keluarga yang harmoni. Ajaran dalam *Thirukkural* oleh Thiruvalluvar, khususnya Kural 45, menegaskan bahawa kehidupan berumah tangga yang disertai dengan cinta dan nilai moral akan membawa kepada kebaikan serta manfaat yang besar. Oleh itu, suami dan isteri perlu memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab, saling menghormati, serta menunjukkan kasih sayang melalui perbuatan dan tingkah laku yang mulia.

Selain itu, komunikasi yang berkesan, sikap toleransi dan semangat pengorbanan amat penting dalam mengekalkan keharmonian rumah tangga. Pasangan yang saling memahami, bertolak ansur dan sentiasa menyokong antara satu sama lain akan mampu menghadapi cabaran hidup dengan lebih matang. Justeru, apabila kasih sayang dan kesusilaan diamalkan secara berterusan, rumah tangga bukan sahaja menjadi tempat perlindungan yang aman, malah menjadi sumber kebahagiaan kepada keluarga dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

Dalam konteks hubungan suami isteri, komunikasi yang berhemah memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan keharmonian rumah tangga. Hal ini selari dengan ajaran dalam *Thirukkural* Kural 127 oleh Thiruvalluvar yang menegaskan kepentingan menjaga tutur kata bagi mengelakkan kesusahan akibat percakapan yang tidak terkawal.

*yaagaavaa raayinum naagaakka kaavaakkaal
sogaappar sollizhukku pattu (127)*

Maksud: Biar pun orang tidak mengawal apa-apa yang lain, kawallah lidahnya; jika tidak mengawal nya, dia akan tertangkap kerana kesalahan ucapab (buruk), dan menderita.

Dalam kehidupan berumah tangga, kata-kata yang kasar, sindiran atau ungkapan yang menyakitkan hati boleh menjejaskan emosi pasangan serta mencetuskan konflik yang berpanjangan. Oleh itu, suami dan isteri perlu mengamalkan komunikasi yang lembut, terbuka dan penuh hormat bagi memastikan setiap permasalahan dapat diselesaikan secara matang. Pandangan ini turut disokong oleh John Gottman yang menegaskan bahawa cara pasangan berkomunikasi, khususnya dalam mengurus konflik, merupakan faktor utama yang menentukan kestabilan sesebuah perkahwinan. Menurut beliau, penggunaan bahasa yang positif serta kemampuan mengawal emosi semasa berinteraksi dapat mengukuhkan hubungan dan mengelakkan keretakan rumah tangga (Gottman, 1999). Justeru, penguasaan komunikasi yang beradab dan terkawal bukan sahaja memenuhi tuntutan moral seperti yang ditekankan oleh Thiruvalluvar, malah merupakan elemen penting yang diiktiraf dalam kajian moden bagi menjamin kebahagiaan dan kelangsungan hubungan suami isteri.

Perbincangan Kajian

Pada era globalisasi dan tekanan hidup masa kini, peranan pasangan semakin mencabar; namun melalui komunikasi yang baik, pembahagian tugas yang seimbang, dan sokongan emosi yang berterusan, sesebuah keluarga mampu berfungsi dengan lebih harmoni. Banyak kajian menunjukkan bahawa kualiti hubungan antara suami dan isteri memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan anak serta kestabilan mental seluruh keluarga. Hal ini dibuktikan dengan satu artikel bertajuk “Working Couple’s Communication Patterns in Maintaining Family Harmony” (2024). Artikel ini mendapati bahawa corak komunikasi yang berkesan

dalam kalangan pasangan bekerja di Malaysia menjadi faktor utama dalam mengekalkan hubungan keluarga yang stabil. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi bukan sahaja membantu menyelesaikan pertelingkahan, malah turut melancarkan pengurusan rumah tangga secara keseluruhan. Kajian oleh para pengkaji dalam bidang perkahwinan dan perhubungan rapat mendapati bahawa kewujudan komunikasi yang baik dalam sesebuah perkahwinan secara juga tidak langsung membawa kepada kepuasan perkahwinan dan kesejahteraan kehidupan individu. Didapati bahawa penderaan terhadap pasangan (Karney & Bradbury, 1995) dan penurunan hormon stres (Kiecolt-Glaser, Bane, Glaser, R., Malarkey, 2003; Kiecolt-Glaser, Newton, Cacioppo, MacCallum, Glaser & Malarke, 1996; dan Kiecolt-Glaser, & Newton, 2001).

Selain itu, peranan suami dan isteri dalam pengasuhan anak dan kerjasama (coparenting) turut memberi kesan besar terhadap keharmonian keluarga. Anak-anak daripada keluarga yang mengamalkan coparenting positif juga didapati lebih stabil secara emosi dan sosial. Ini selari dengan realiti masa kini, di mana beban kerja dan tekanan hidup memerlukan ibu bapa menyokong antara satu sama lain, bukannya menganggap pengasuhan sebagai tanggungjawab sebelah pihak sahaja. Kerjasama ini bukan sahaja mengurangkan stres dalam rumah tangga, malah turut membina hubungan yang lebih erat antara pasangan. Kajian bertajuk “Unlocking Family Harmony: Coparenting as a Moderator of Parenting and Stepparenting Difficulties on Children’s Adjustment” (2024) menunjukkan bahawa integriti coparenting mempengaruhi hubungan antara kesukaran peranan keibubapaan dengan masalah penyesuaian kanak-kanak. Namun, tiada dapatan signifikan bagi konflik coparenting atau bagi kumpulan iibu atau bapapatri. Dapatan ini menekankan kepentingan tingkah laku positif ibu bapa dalam mengekalkan integriti coparenting dan kesannya terhadap penyesuaian kanak-kanak dalam keluarga tiri. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana coparenting yang positif lebih stabil, berdisiplin, dan mudah menyesuaikan diri. Oleh itu, ibu bapa perlu berusaha mengamalkan komunikasi yang terbuka, saling menghormati, dan bekerjasama sebagai satu pasukan demi kesejahteraan seluruh keluarga.

Selain itu, kestabilan emosi antara suami dan isteri memainkan peranan besar dalam memastikan hubungan kekal kukuh. WHO dan UNICEF pada tahun 2024 menekankan bahawa sokongan emosi dalam keluarga adalah faktor pelindung (protective factor) yang penting untuk kesihatan mental kanak-kanak dan remaja. Ini bermakna pasangan bukan sahaja bertanggungjawab mengurus rumah tangga, tetapi juga perlu saling menyokong secara psikologi. Suami dan isteri perlu memahami keadaan emosi masing-masing, bersedia berkongsi beban mental, dan belajar mengurus tekanan hidup bersama. Apabila pasangan menunjukkan empati dan saling membantu dalam mengatasi cabaran, keluarga akan lebih sukar digugat oleh konflik besar.

Bahasa cinta merupakan salah satu elemen penting dalam hubungan suami isteri bagi mewujudkan keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga. Setiap individu mempunyai cara tersendiri untuk menzahirkan kasih sayang dan menerima penghargaan daripada pasangan. Oleh itu, pemahaman terhadap bahasa cinta dapat membantu pasangan meningkatkan komunikasi, mengeratkan hubungan emosi, serta mengukuhkan institusi keluarga. Kajian yang dijalankan oleh Awing, Arsyad (2023), menunjukkan bahawa komunikasi antara individu dan penggunaan bahasa cinta memainkan peranan penting untuk memastikan hubungan perkahwinan tetap harmonis dan rapat. Berdasarkan teori lima cara cinta yang dikemukakan oleh Gary Chapman, setiap orang memiliki cara tersendiri untuk menunjukkan kasih sayang dan keinginan untuk dicintai. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif terhadap

pasangan muda yang telah berkahwin antara enam bulan hingga tiga tahun untuk mengenal pasti peranan bahasa cinta dalam hubungan romantis mereka. Terdapat satu lagi Kajian berkaitan komunikasi dalam perkahwinan menunjukkan bahawa bahasa cinta memberikan impak yang signifikan terhadap kepuasan dalam hubungan (Rifcha & Darmawanti, 2023). Apabila pasangan mampu mengenal pasti serta menyesuaikan diri dengan bahasa cinta pasangan masing-masing, hubungan perkahwinan cenderung menjadi lebih harmoni dan dapat mengurangkan konflik. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa menggunakan bahasa cinta membantu pasangan menjaga hubungan yang romantis, memperbaiki komunikasi antara mereka, dan memudahkan proses menyelesaikan masalah dalam rumah tangga. Selain itu, dua jenis bahasa cinta yang paling kerap digunakan pasangan ialah sentuhan fizikal dan menghabiskan masa bersama. Dapatan ini menunjukkan bahawa mempraktikkan bahasa cinta dalam komunikasi antara suami dan isteri dapat memperkuat hubungan perasaan dan membantu memastikan kestabilan dalam rumah tangga.

Menurut sumber talian Channel New Asia, angka yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Nov 23, menunjukkan kes penceraian meningkat sebanyak 43.1 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya. Penceraian di akhir usia yang berlaku amat memberi kesan dari sudut psikologi bukan sahaja kepada individu yang terlibat dengan penceraian itu sendiri, bahkan turut melibatkan individu yang berada di sekeliling mereka termasuklah anak-anak, ahli keluarga dan juga masyarakat (Noor Syaibah, et.al., 2016). Penceraian pada usia lanjut turut memberi kesan mendalam terhadap emosi dan psikologi individu yang terlibat. Pasangan yang telah lama hidup bersama akan mengalami tekanan perasaan, kesunyian dan kehilangan sokongan emosi selepas berlakunya penceraian. Kesan tersebut bukan sahaja dirasai oleh pasangan suami isteri, malah turut mempengaruhi anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Anak-anak misalnya boleh mengalami tekanan emosi, perubahan tingkah laku dan hubungan kekeluargaan yang kurang harmoni. Oleh itu, sokongan daripada keluarga, masyarakat dan pihak berkaitan amat penting bagi membantu individu yang menghadapi situasi penceraian agar kesejahteraan emosi dan sosial mereka dapat dipelihara.

Kesimpulannya, peranan suami dan isteri dalam pembentukan keluarga yang harmoni merupakan aspek yang sangat signifikan dan tidak boleh dipandang remeh. Komunikasi yang efektif, kerjasama dalam pengasuhan anak, pembahagian tanggungjawab yang seimbang serta sokongan emosi antara pasangan telah dikenal pasti oleh pelbagai kajian dan laporan antarabangsa sebagai faktor utama yang menyumbang kepada kestabilan sesebuah keluarga. Kejayaan institusi keluarga bukan bergantung kepada usaha seorang individu semata-mata, tetapi terletak pada kesepaduan dan komitmen dua insan yang bersatu bagi membina kehidupan bersama. Oleh itu, setiap pasangan perlu sentiasa berusaha memperkuat kematangan diri, memahami keperluan pasangan dan mengekalkan keharmonian rumah tangga demi kesejahteraan seluruh ahli keluarga.

Kesimpulan

Kesimpulannya, karya Thirukkural yang ditulis oleh Thiruvalluvar menunjukkan bahawa nilai-nilai etika dalam keluarga dan cara hidup pasangan memainkan peranan penting dalam menciptakan keluarga yang selaras dan tenang. Melalui ajaran yang terdapat dalam karya ini, hubungan antara suami isteri tidak hanya dibina daripada kasih sayang sahaja, tetapi juga diperkuatkan dengan nilai tanggungjawab, kesetiaan, toleransi, saling menghormati, dan komunikasi yang baik. Nilai-nilai itu menjadi dasar penting untuk memastikan keluarga tetap harmoni dan membantu pasangan menghadapi kesulitan dalam hidup berumah tangga. Selain

itu, kajian ini menunjukkan bahawa idea dalam Thirukkural masih berguna dalam kehidupan masa kini kerana prinsip-prinsip yang diterangkan sesuai untuk semua orang dan boleh digunakan oleh masyarakat hari ini. Gaya hidup pasangan yang mematuhi etika dan nilai kekeluargaan yang baik dapat menciptakan keluarga yang stabil, bahagia, dan penuh kasih sayang. Oleh itu, karya ini tidak hanya menjadi panduan untuk membinakan akhlak seseorang, malah juga membantu membentuk masyarakat yang lebih berakhlak dan jujur.

Penghargaan:	Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Kajian ini telah dijalankan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini atas kesudian mereka menyumbangkan masa dan pandangan yang berharga. Penghargaan khas turut diberikan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas Skim Geran Penerbitan yang telah membantu merealisasikan penerbitan kajian ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis A iaitu Kogiladevi Maniam bertanggungjawab terhadap pengkonsep, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Kogiladevi Maniam mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Dr Karthees Ponniah telah membantu untuk menyemak isi kandungan manuskrip ini, Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ambarwati, I. T., Andriani, F., & Nilamsari, N. (2024). Working couple's communication patterns in maintaining family harmony. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 687–696.
- Awing, L. T., & Arsyad, A. W. (2023). Peran bahasa cinta dalam meningkatkan hubungan romantis pada pasangan muda (Studi deskriptif pada kelompok paduan suara Samarinda Armonia Choir). *EJournal Ilmu Komunikasi*, 11(4), 201–212.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Jan Samuel, G. (2018). *Thirukkural ulakao potumarai – Valarcci nilaikal*. In *Irantavatu Anaittulakat Tirukkural Manatu* (pp. 293–309).
- Karney, B. R., & Bradbury, T. N. (1995). The longitudinal course of marital quality and stability: A review of theory, methods, and research. *Psychological Bulletin*, 118(1), 3–34.
- Kiecolt-Glaser, J. K., & Newton, T. L. (2001). Marriage and health: His and hers. *Psychological Bulletin*, 127(4), 472–503. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.127.4.472>
- Monisha, D. (2023). Tracing the familial ethics in Thirukkural's Kamathupal. *SFS Journal*, 10(1). <https://doi.org/10.53555/sfs.v10i1.1859>
- Navin, G., & Manonmani Devi, A. (2023). Women from Thiruvalluvar's point of view: திருவள்ளுவர் பார்வையில் பெண்கள். *Malaysian Journal of Tamil*, 1(2), 8–14. <https://kpatmalaysia.com/ojs/index.php/mjt/article/view/47>
- Repond, G., Darwiche, J., & Antonietti, J. P. (2024). Unlocking family harmony: Coparenting as a moderator of parenting and stepparenting difficulties on children's adjustment. *Family Transitions*, 65(8), 517–540. <https://doi.org/10.1080/28375300.2024.2430924>
- Rhea Yasmine Alis Haizan. (2023, November 27). Kenaikan 43% perceraian di Malaysia tahun lalu kesan PKP semasa pandemik, kata pakar. *Channel News Asia*. <https://www.channelnewsasia.com/malaysia/kadar-perceraian-malaysia-melonjak-semasa-pandemik-3948561>
- Rifcha, R., & Darmawanti, I. (2023). Hubungan bahasa cinta dengan kepuasan pernikahan. *Jurnal Komunikasi Keluarga*, 4(2), 23–30.
- Singaravelu, S. (2013). *Tirukkural* (Trilingual ed.). Uma Publications.
- Suppiah, N. (2020). *Kaedah hermeneutik: Kaedah interpretasi teks secara kualitatif*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239279>
- Syaibah, N. S., Johari, N., Abdullah, N., & Aziz, S. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi faktor. *Malaysian Journal of Social Science*, 1, 36–52.
- Thangaraj, L. (2023). Silappathikaram in Thirukkural showing lifemarks. <https://www.forschung.in/journals/index.php/jtcl/article/view/108>